

RAHSIA ORDINAL
KELAHIRAN DAN
PERSONALITI ANDA

Aina Razlin Mohammad Roose

AWAK ANAK
KE BERAPA



RAHSIA ORDINAL
KELAHIRAN DAN
PERSONALITI ANDA

AWAK ANAK
KE BERAPA

**RAHSIA ORDINAL
KELAHIRAN DAN
PERSONALITI ANDA**

**AWAK ANAK
KE BERAPA**

Aina Razlin Mohammad Roose

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

© Aina Razlin Mohammad Roose,
2018

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
InfoGrafik Press Sdn Bhd
Lot 201, Jalan Nipah,
93100 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Aina Razlin Mohammad Roose, 1982-
RAHSIA ORDINAL KELAHIRAN DAN PERSONALITI ANDA :
AWAK ANAK KE BERAPSA / Aina Razlin Mohammad Roose.
Includes index
Bibliography: pages 145-147
ISBN 978-967-2008-52-1
1. Personality assessment.
2. Individuation (Psychology).
II. Judul.
155.23

Dedikasi

Buku ini didedikasikan khas buat semua pembaca yang ingin mengenali dan memahami diri sendiri, ahli keluarga saya yang banyak memberi dorongan dan motivasi, dan individu-individu sekeliling saya yang sentiasa positif. Semoga buku ini bermanfaat kepada anda dalam mengekalkan dan mengukuhkan hubungan silaturrahim. Tidak lupa kepada semua pelajar Program Kaunseling UNIMAS yang berminat untuk meningkatkan pemahaman mengenai hubungan antara personaliti dengan ordinal kelahiran melalui pembacaan ringan. Selamat membaca!

Isi Kandungan

Dedikasi	I
Isi Kandungan	III
Penghargaan	V
Prakata	VII
Panduan	IX
Penggunaan Buku	IX
Fakta-fakta Menarik	XI
Siapakah Alfred Adler?	XIII
BAB 1: Personaliti dan Ordinal Kelahiran	1
BAB 2: Personaliti Ordinal Kelahiran: Bukan Pilih dan Padan	15
BAB 3: Ibu Bapa: Peranan dan Pengaruh	29
BAB 4: Anak Sulung	43
BAB 5: Anak Tengah	73
BAB 6: Anak Bongsu	91
BAB 7: Anak Tunggal	103
BAB 8: Situasi-situasi Kelahiran Lain	113
BAB 9: Personaliti Ordinal Kelahiran dan Tempat Kerja	121
BAB 10: Jaga Diri, Jaga Emosi: Tips dan Strategi Ringkas	135
BAB 11: Epilog	141
Rujukan	145
Indeks	149

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan khas buat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana membantu merealisasikan penerbitan buku Awak Anak ke Berapa?: Rahsia Ordinal Kelahiran dan Personaliti Anda. Jasamu sentiasa dikenang, dan semoga UNIMAS terus gemilang!

Prakata

Dengan nama Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Syukur ke hadrat-Nya kerana dengan keizinan-Nya memudahkan urusan penerbitan buku ini. Semoga buku ini membawa manfaat kepada setiap pembacanya.

Apabila anda memilih untuk membeli dan membaca buku ini, apakah harapan anda terhadap kandungannya? Adakah anda ingin mengetahui bagaimana susunan kelahiran mempengaruhi siapa diri anda sekarang? Adakah anda mencari jawapan kepada persoalan tentang perbezaan ketara antara anda dengan adik-beradik sedangkan kalian dibesarkan dalam keluarga dan persekitaran yang sama? Adakah anda ingin memahami individu yang signifikan dalam hidup anda seperti pasangan hidup, rakan, atau majikan? Atau mungkin anda ialah ibu atau bapa yang ingin memahami bagaimana kedudukan anak-anak anda dalam keluarga mempengaruhi perkembangan personaliti mereka?

Jika persoalan-persoalan di atas adalah apa-apa yang anda cari, maka buku ini amat sesuai untuk anda, kerana itulah matlamat penulisan buku ini – membantu anda memahami diri sendiri serta orang sekeliling anda dari perspektif susunan atau ordinal kelahiran.

Dalam keghairahan untuk memenuhi rasa ingin tahu mengenai tret dan personaliti diri, terdapat pelbagai sumber di luar sana yang memperkatakan mengenai pembentukan personaliti. Mempelajari mengenai personaliti diri sememangnya sesuatu yang menarik. Anda mungkin pernah menjalani pelbagai ujian ringkas personaliti di majalah atau di laman sesawang tertentu. Malah, kemungkinan juga menyedari terdapat banyak perkongsian di media sosial berkaitan dengan personaliti dan ordinal kelahiran! Tetapi, sejauh manakah kebenaran perkongsian di media sosial ini?

Saya kurang pasti akan validiti personaliti berdasarkan susunan kelahiran yang dipaparkan di media sosial kerana kebanyakan *posting* tidak menyatakan sumber. Berbeza dengan apa yang akan saya kongsikan dalam buku ini,

informasinya adalah berpandukan teori psikoterapi yang kukuh serta dapatan kajian-kajian yang dijalankan oleh ahli psikologi.

Sebagai tenaga pengajar dalam bidang kaunseling di universiti, saya mendapati ilmu psikoterapi bukan sahaja membantu klien mengatasi masalah tetapi juga berguna kepada sesiapa sahaja yang ingin memahami dan memperbaiki diri. Secara peribadi, saya percaya bahawa teori ordinal kelahiran ini sangat bermanfaat dalam kita memahami mengapa kita berfikir, bertindak, dan beremosi dalam keadaan tertentu. Kita juga dapat memahami potensi dan batasan yang ada dalam diri agar lebih mudah bagi kita menerima diri kita seadanya.

Secara ringkas, buku ini membincangkan mengenai personaliti individu mengikut ordinal kelahiran asas iaitu sulung, tengah, bongsu, tunggal, serta situasi kelahiran lain seperti anak kembar, anak angkat, dan anak yang kematian ahli keluarga. Dalam bab yang pertama, penerangan mengenai bagaimana personaliti terbentuk berdasarkan kedudukan dalam keluarga diterangkan. Hal ini diikuti dengan penerangan yang lebih mendalam dalam bab kedua, iaitu mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti ordinal kelahiran, dan penerangan mengapa ordinal kelahiran bukan sekadar susunan kelahiran yang mempunyai personaliti spesifik. Pembaca kemudian akan menyusuri personaliti-personaliti anak sulung, anak tengah, anak bongsu, anak tunggal, dan situasi kelahiran lain dalam lima bab yang seterusnya.

Dengan penulisan yang santai dan ringkas, buku ini akan membantu anda memahami personaliti anda dan individu lain tanpa memerlukan anda menjadi seorang ahli psikologi. Anda dapat mengaplikasikan ilmu ini dalam apa-apa juga bidang yang anda ceburi, kerana kehidupan sentiasa memerlukan kita berinteraksi dengan manusia. Apabila anda berjaya memahami diri sendiri dan orang lain, saya pasti anda bakal memperoleh keuntungan dari pelbagai aspek kehidupan.

Saya mengharapkan buku ini membawa sesuatu yang bermakna kepada anda. Selamat membaca dan semoga maju jaya!

Aina Razlin Mohammad Roose
Pensyarah
Jabatan Kaunseling
FSKPM, UNIMAS

Panduan Penggunaan Buku

Buku ini ditulis berdasarkan Terapi Psikologi Individu yang juga dikenali sebagai Terapi Adlerian. Buku ini agak berbeza kerana telah disusun dengan penerangan asas yang membolehkan anda mengenal pasti jenis personaliti anda terlebih dahulu sebelum anda dapat meneruskan bacaan berkaitan dengan tret personaliti tersebut. Hal ini bertujuan untuk membantu anda memahami dan mengenal pasti personaliti anda yang sebenar.

Suka saya sarankan di sini agar anda membaca buku ini mengikut aturan. Hal ini kerana jika anda melangkau terus ke bab tret personaliti, anda akan kurang memahami asas dan faktor pembentukan personaliti. Anda juga berkemungkinan terlepas penerangan berkaitan tret personaliti anda yang sebenar. Misalnya, anda mungkin anak tengah dalam keluarga tetapi memiliki tret personaliti anak sulung. Oleh itu, bab yang sepatutnya anda beri tumpuan dan penekanan ialah Bab 4: Anak Sulung, dan bukannya Bab 5: Anak Tengah. Tanpa memahami penerangan asas berkaitan konstelasi keluarga, berkemungkinan anda membaca bab yang kurang berkait dengan diri anda dan akan mendapati kebanyakan tret yang dibincangkan, contohnya dalam bab Anak Tengah, kurang menepati ciri-ciri yang ada pada anda.

Oleh itu, pastikan anda membaca bab-bab terawal terlebih dahulu terutamanya Bab 2 dan Bab 3. Dalam kedua-dua bab ini, saya menerangkan faktor-faktor yang menentukan jenis personaliti. Mulakan siasatan anda sebelum membaca bab berkaitan dengan personaliti anda. *Good luck & all the best!*

AWAK ANAK KE BERAPA?

RAHSIA ORDINAL KELAHIRAN DAN PERSONALITI ANDA

APAKAH BENAR?

- Anak sulung lebih bermotivasi mencapai sesuatu berbanding adik-beradik yang lain.
 - Anak tengah lebih pandai bersosial berbanding anak sulung dan anak tengah.
 - Anak bongsu lebih mudah disenangi dan disayangi oleh individu di sekeliling.
 - Anak tunggal memiliki keyakinan dan penghargaan diri yang tinggi.

Fakta berkaitan pengaruh ordinal kelahiran terhadap pembentukan personaliti manusia bukan lagi sekadar cakap-cakap kosong, tetapi telah dibuktikan melalui kajian-kajian berbentuk empiris oleh ahli psikologi dan kaunselor semenjak abad ke- 19 lagi. Malah, terdapat banyak penemuan menarik dalam kajian-kajian berkaitan ordinal kelahiran dan personaliti yang menjadikannya bidang yang terus mendapat tempat di hati para pengkaji sehingga kini.

Buku Awak Anak ke Berapa? ini menyajikan informasi berpandukan Teori Ordinal Kelahiran yang diperkenalkan oleh ahli psikologi terkenal, Alfred Adler. Melalui pembacaan buku ini, anda berpeluang untuk memahami diri anda melalui penerangan mudah mengenai pengaruh konstelasi keluarga terhadap tret-tret personaliti anda. Malah, anda juga dapat mengaplikasikan pengetahuan ini bagi meningkatkan hubungan baik antara anda dengan individu di sekeliling, contohnya seperti ahli keluarga, rakan-rakan, dan majikan di tempat kerja.

Dapatkan kajian yang mengagumkan turut dikongsikan bersama-sama anda. Anda bakal menerima kefahaman mengenai mengapa anda berbeza berbanding orang lain, mengapa anda mudah rapat dengan sesetengah individu tetapi tidak dengan individu yang lain, mengapa anda memilih jalan kehidupan yang berbeza dengan ahli keluarga, dan sebagainya. Jadi, pastikan anda tidak melepaskan peluang keemasan ini!



Aina Razlin Mohammad Roose K.B., P.A., S.P.T, merupakan pensyarah di Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau merupakan siswazah Universiti Malaysia Sarawak, dan meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Kaunseling Pemulihan di University of Arkansas, Amerika Syarikat. Sepanjang pengajian di luar negara, beliau berpeluang menerima latihan profesional dalam mengendalikan kes-kes berkaitan orang kurang upaya, isu permasalahan kesihatan mental, serta penyakit- penyakit kronik dan kritikal.

ISBN 978-967-2008-52-1